

PM yakin Malaysia

UM 10 MAY 1986

akan jadi negara

yang kaya, makmur

JENIANG, (Kedah) 9 Mei — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini yakin Malaysia akhirnya akan menjadi sebuah negara yang kaya dan taraf hidup rakyatnya lebih makmur jika semua orang sanggup berusaha meningkatkan daya pengeluaran masing - masing.

Katanya, usaha bagi meningkatkan daya pengeluaran adalah satu usaha yang penting yang boleh membawa negara dan rakyatnya lebih kaya.

Menurutnya kejayaan ini boleh dicapai jika rakyat sanggup bekerja lebih sedikit dengan cara yang lebih teratur. "Kita akan dapat meningkatkan daya pengeluaran."

Berucap melancarkan kempen peningkatan daya pengeluaran Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah di Kampung Berjaya di sini petang ini Perdana Menteri mengingatkan negara kita akan hilang ke'amatan jika kita dari golongan yang sentiasa meminta

mentanya, "apabila sudah mampai, kita harus meminta daripada orang lain dan orang lain akan menghormati kita."

Ketibaan Datuk Sri Dr. Mahathir yang disertai oleh isterinya, Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah dengan sebuah helikopter telah disambut dengan perarakan kira - kira 200 buah motosikal dan 40 buah teksi hingga ke tapak pelancaran kempen tersebut.

Menteri Besar Kedah Datuk Paduka Haji Osman Aroff dan Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Sri Adib Adam sementara lebih 5,000 orang penduduk tempatan yang menghadiri pelancaran kempen tersebut diikuti dengan

Expo oleh agensi - agensi kerajaan berkenaan selama tiga hari.

Perdana Menteri juga mahu wujud semangat baru yang lebih teratur dan tersusun termasuk dari segi kecekapan dan pengurusan bagi meningkatkan hasil pengeluaran.

"Hasil dari usaha kita sendiri adalah lebih baik dari mendapat bantuan daripada orang lain."

Datuk Sri Dr. Mahathir menyebut kekayaan seseorang itu, bangsa dan negara adalah bergantung kepada setiap seorang penduduk di negara ini.

Menurutnya di negara ini orang - orang yang pandai berusaha menjadi kaya tetapi terpaksa membayar cukai yang lebih tinggi yang digunakan untuk memberi bantuan atau subsidi kepada golongan yang miskin.

Perdana Menteri menambah rakyat boleh meminta bantuan dan subsidi dari kerajaan tetapi masalahnya kerajaan juga terpaksa mencari wang untuk berbuat demikian.

Mengenai usaha meningkatkan daya pengeluaran, beliau berpendapat peningkatan hasil bukan sahaja bagi tanaman getah tetapi meliputi sawah padi yang boleh mengeluarkan hasil yang bertambah.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri menyeru orang ramai terutama penduduk di kampung - kampung supaya menggunakan tanah - tanah kosong yang masih banyak terbiar di sekeliling rumah masing - masing untuk menghasilkan tanaman - tanaman bagi menambahkan hasil pendapatan masing - masing.

Perdana Menteri selanjutnya mahu seluruh rakyat negara ini supaya berusaha

bersungguh - sungguh bagi mendapatkan hasil yang terbesar dan maksimum dalam usaha meningkatkan daya pengeluaran masing - masing.

Mengulas mengenai kesuburan tanah yang terdapat di negara ini, beliau memberitahu Presiden Mali Jeneral Moussa Traore yang melawat Kedah dalam rangka lawatannya ke Malaysia semalam melahirkan begitu kagum melihat tanah di negara ini begitu subur dan menghidu berbanding dengan negaranya sendiri di samping menyifatkan Malaysia sebagai sebuah negara yang begitu bertuah.

Menurutnya sebaliknya di Mali walaupun rakyatnya rajin bercucuk tanam tapi jarang membawa hasil yang memuaskan dan "kita Malaysia berasa bersyukur dan sebab itu kita memberi pertolongan dan bantuan teknik kepada Mali.

Beliau selanjutnya menjelaskan pertambahan hasil boleh diperolehi dengan menggunakan teknik - teknik yang baik di samping pengurusan yang cekap dan licin.

Ini terbukti kerana estet - estet besar di negara ini dapat keuntungan yang banyak dan mengeluarkan hasil yang banyak dibandingkan dengan pekebun - pekebun kecil yang kurang keuntungannya.